**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK – BN ]**

**SOALAN (NO. 39)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status setakat ini pembinaan Pusat Sukan Daerah Gerik di mana Pejabat Belia Gerik mempunyai tanah sendiri di sebelah landasan kapal terbang Gerik.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak Kementerian tiada perancangan untuk membina kompleks sukan di daerah Gerik memandangkan kos adalah tinggi.

2. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah membina sebanyak 9 buah Gelanggang Sukan di Parlimen Gerik iaitu :-

| Parlimen | Nama Projek Mengikut DUN | Lokasi |
|---|---|---|
| Gerik | Gelanggang Rakyat KBS - Pengkalan Hulu | Tasek Takong, Pengkalan Hulu |
| | | Kg. Kuak Hulu |
| | | Tasek Takong, Pengkalan Hulu |
| | Gelanggang Rakyat KBS - Temenggor | Kampong Jong, Gerik |
| | | Felda Bersia, Gerik |
| | | Padang Awam Kampung Lalang, Gerik |
| | | Kg. Kerunai |
| | | Kg. Perah |
| | | Padang Bolasepak Kg. Bersia Lama, Gerik |

Sekian, terima kasih.

# JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

## PERTANYAAN BERTULIS

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai peruntukan untuk membina Sekolah Berasrama penuh atau Pusat Pengajian Tinggi dalam Parlimen Gerik.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan jumlah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sedia ada telah mencukupi dan mampu menampung kemasukan murid-murid cemerlang. Sehubungan itu, KPM sedang memperkasa SBP yang sedia ada dan buat masa ini tiada cadangan untuk membina SBP baharu bagi kawasan Parlimen Gerik.

Untuk makluman,pada masa ini terdapat tujuh buah Sekolah Berasrama Penuh di Perak iaitu Kolej Melayu Kuala Kangsar, SM Sains Raja Tun Azlan Shah, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, SM Sains Teluk Intan, SM Sains Tapah, SM Sains Bagan Datoh, dan SBPI Gopeng. itu, sejumlah empat (4) buah sekolah di kawasan Gerik telah melaksanakan Program Khas bagi murid-murid cemerlang yang tidak dapat ditempatkan ke sekolah-sekolah berasrama penuh.